

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) menerima suntikan berjumlah RM300,000 hasil sumbangan Bank Simpanan Nasional (BSN) yang akan digunakan untuk Tabung Aktiviti Pembangunan Keusahawanan Pelajar UUM dan pelbagai aktiviti pelajar di Dewan Penginapan Pelajar.

Dana tersebut diperolehi melalui Memorandum Perjanjian (MoA) yang dimeterai antara kedua belah pihak sekali gus menjadikan BSN sebagai rakan industri terbaru UUM dalam usaha universiti terbabit menjalinkan kerjasama korporat dengan syarikat gergasi termasuk institusi perbankan.

Pelaburan yang akan memberi tumpuan dari aspek pembangunan program keusahawanan, pembangunan pelajar dan lain-lain aktiviti yang memberi manfaat kepada pelajar.

Menurut Timbalan Ketua Eksekutif Perbankan Konsumer dan Pembangunan Pelanggan BSN, Yunos Abd Ghani, inisiatif yang diberikan itu bagi meningkatkan hubungan dua hala antara BSN dan UUM untuk menjalinkan kerjasama lebih serius.

Katanya, sebagai salah sebuah industri perbankan yang telah bertapak hampir 30 tahun di Malaysia, BSN sentiasa komited dalam menyediakan kemudahan perbankan agar dapat dinikmati seluruh rakyat di negara ini.

"Di samping memberi akses terbaik kepada rakyat, BSN juga tidak lupa untuk mempelbagaikan produk dan menambahbaikkan perkhidmatan yang ditawarkan kepada orang ramai.

"Melalui kerjasama ini, diharap pihak UUM terutama pelajar dapat mengenali BSN dengan lebih dekat melalui program, produk dan perkhidmatan perbankan yang disediakan BSN.

"Ia juga adalah pelantar untuk cendekiawan dari UUM dan pelajar-pelajarnya mengetahui lebih lanjut berhubung peranan BSN bagi membolehkan pelajar-pelajar menjadikan BSN antara majikan pilihan mereka setelah tamat pengajian," katanya ketika majlis menandatangani MoA tersebut di Hotel Seri Pasific, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Turut hadir Naib Canselor UUM, Prof Dato' Dr Mohamed Mustafa Ishak. serta wakil dari kedua-dua pihak.

Bagi Dr Mohamed Mustafa, menyifatkan MoA yang ditandatangani itu sebagai kerjasama pintar untuk meneroka pelbagai bidang dengan institusi tersebut pada masa depan.

"Di UUM, kita ada menawarkan program seperti perbankan, kewangan dan pengurusan yang mana program-program akademik yang ditawarkan ini berkaitan dengan BSN (institusi perbankan).

"Hubungan universiti dengan rakan industri sangat penting kerana kedua-dua pihak mendapat manfaat dan faedahnya.